

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS  
(HULU LANGAT)**

**TARIKH : 13 JULAI 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah status aset-aset usang bukan kapal milik TLDM seperti trak/lori 3 tan yang terlibat dengan kemalangan maut di Ranau baru-baru ini dan helikopter Super Lynx yang sepatutnya sudah ditukar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Penentuan keusangan kenderaan tentera adalah berdasarkan kepada Dasar Kasting ATM. Bergantung kepada jenis kenderaan, jangka hayat kenderaan sebelum dikategorikan sebagai usang adalah berbeza-beza.

Untuk lori 3 tan, jangka hayatnya adalah selama 10 tahun ataupun apabila telah mencapai penggunaan 320,000 km. Walaupun telah melangkaui jangka hayatnya, lori-lori ini masih diselenggara dengan baik dan digunakan.

Berkenaan dengan kemalangan maut di Ranau tempoh hari, Lembaga Siasatan telah ditubuhkan bagi mengenal pasti punca kemalangan. Hala tuju penggunaan lori 3 tan milik TLDM akan diputuskan di dalam Lembaga Siasatan tersebut.

Bagi pesawat Super Lynx, Dasar Kasting ATM menetapkan jangka hayat helikopter adalah 30 tahun. Jangka hayat pesawat ini akan mencapai usia 30 tahun pada 2029. Kementerian telah mula merancang penggantian pesawat memandangkan kos operasi dan selenggaraan yang semakin meningkat sesuai dengan peningkatan usia pesawat.

Terima kasih.